


Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan gambar di bawah.



1. Semut – semut _____ air kopi yang tertumpah di atas meja itu.
A mendatangi
B mengerumuni
C mendekati
D menghurungi
2. Banyak orang mengatakan bahawa bencana alam yang berlaku ketika ini berpunca _____ kerakusan manusia memanipulasi sumber alam.
A dari
B daripada
C pada
D oleh
3. Puncak gunung itu kelihatan _____ kerana diliputi kabus yang tebal.
A berkepul-kepul
B berpintal – pintal
C berbalam – balam
D bergumpal – gumpal
4. Saya sungguh _____ kerana tidak sempat berjumpa dengan kawan lama saya di majlis itu.
A terharu
B terkilan
C terasa
D tersinggung

[Lihat halaman sebelah

5. Pak Abu mencantas _____ pisang yang tua di kebunnya .
 A pelepah
 B ranting
 C batang
 D dahan
6. Peragawati itu sedang _____ pakaian tradisional yang diperbuat daripada kain songket.
 A mempamerkan
 B menunjukkan
 C memperagakan
 D mempersembahkan
7. Kenyataan yang dikeluarkannya _____ dengan pendapat yang diputuskan oleh jawatankuasa persatuan.
 A bercanggah
 B berubah
 C bertelagah
 D bersaing

Soalan 8 - 14

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

8. Kerani itu telah menampal surat daripada Jabatan Kastam pada papan kenyataan untuk perhatian kakitangan jabatan itu. Tiada kesalahan.
 A B C D
9. Selepas kemangkatan ayahanda baginda, putera raja itu telah dilantik menjadi sultan bagi menggantikan Almarhum sultan. Tiada kesalahan.
 A B C D
10. Bila kedua-dua orang pelajar perempuan itu saling mencerca keburukan masing-masing maka terjadilah pergaduhan. Tiada kesalahan.
 A B C D

[Lihat halaman sebelah

11. Bahan-bahan yang diperlukan untuk membuat kuih bahu termasuklah
A B
telur putih, majerin, gula dan tepung gandum. Tiada kesalahan.
C D
12. Emak menyuruh adik memperkemas ruang tamu kerana barang mainannya
A B
bersepah. Tiada kesalahan.
C D
13. Penduduk kampung telah memberikan beberapa buah pandangan semasa
A B
sesi dialog dengan Pegawai Daerah baharu. Tiada kesalahan.
C D
14. Haji Uzir mempersetujui untuk membiayai perusahaan ternakan ayam
A B
menantunya dengan meminjam wang daripada bank. Tiada kesalahan.
C D

Soalan 15 - 17

Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan** berhuruf condong dengan betul.

15. I Oleh sebab hujan turun dengan lebatnya pagi tadi, kedatangan pelajar ke sekolah adalah *dingin* sekali.
- II Sambutan perayaan Hari Kebangsaan pada tahun ini agak *dingin* jika dibandingkan dengan tahun lalu.
- III Dalam kegelapan malam itu, dia meraba raba mencari selimut untuk melindungi dirinya daripada *dingin*.
- IV Sejak peristiwa itu, Halim bersikap *dingin* terhadap tunangnya.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
- B II dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja
16. I Apabila ayah sampai di rumah, dia terus *menjulang* adik di atas bahunya.
- II Api dari rumah yang terbakar itu *menjulang* sehingga jelas kelihatan dari rumah saya.
- III Rakyat akan *menjulang* tinggi pemimpin yang bersih dan amanah dalam menjalankan tugasnya.
- IV Gadis itu menjulang kepalanya di tingkap untuk melihat ibunya pulang dari kerja.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
- B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

17. I Pihak anggota keselamatan telah berjaya mengesan *kedudukan* musuh yang diburu.
II Kebanyakan pelajar berazam untuk mencapai *kedudukan* yang lebih baik dalam pelajaran.
III Nenek mengalami sakit pinggang akibat jatuh *kedudukan* semasa hendak ke tandas kerana lantai licin.
IV Tempat *kedudukan* Siti di dalam kelas telah diubah oleh guru.
- A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 18 - 21

Bahagian yang **bergaris** dalam ayat-ayat yang berikut **mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa dan mungkin juga tidak**.

Tandakan sama ada **A, B** atau **C** jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan **D** jika tiada kesalahan.

18. Adnan mempunyai banyak pilihan untuk memperoleh tempat di institusi pengajian tinggi.
A mempunyai banyak pilihan dalam
B banyak mempunyai pilihan untuk
C mempunyai pilihan yang banyak dalam
D mempunyai banyak pilihan untuk
19. Basikal yang rosak itu telah ayah perbaiki.
A ayah telah baiki
B telah diperbaiki oleh ayah
C telah dibaiki oleh ayah
D telah ayah perbaiki
20. Pameran aeroangkasa itu ialah yang terbesar sekali di antara pameran yang pernah diadakan dirantau ini.
A adalah yang terbesar antara
B ialah yang terbesar di antara
C adalah yang terbesar sekali antara
D ialah yang terbesar sekali di antara

[Lihat halaman sebelah

21. Walaupun saya menafikannya, Cikgu Amir masih bertanya kepada saya tentang tuduhan tersebut.
- A masih bertanya saya
 - B masih bertanya pada saya
 - C masih menanyakan kepada saya
 - D masih bertanya kepada saya

Soalan 22 - 24

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

22. **Harga buku yang mahal akan menghalang usaha untuk memupuk minat membaca dalam kalangan rakyat di negara ini**
- A Rakyat di negara ini kurang membaca kerana harga buku yang mahal.
 - B Pemupukan minat membaca dalam kalangan rakyat di negara ini menjadi semakin merosot lantaran kenaikan harga buku
 - C Usaha menanam minat suka membaca dalam kalangan rakyat di negara ini terhalang oleh harga buku yang tinggi.
 - D Membaca buku sukar dijadikan amalan dalam kalangan rakyat negara ini kerana melibatkan kos yang tinggi.
23. **Persatuan Ibu Bapa dan Guru beriltizam untuk membantu pihak sekolah menjalankan pelbagai aktiviti pendidikan.**
- A Aktiviti pendidikan akan dilaksanakan oleh pihak sekolah kerana Persatuan Ibu Bapa dan Guru berhasrat untuk membantu.
 - B Pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru berjanji akan bertanggungjawab menjalankan pelbagai aktiviti pendidikan di sekolah.
 - C Pelbagai aktiviti pendidikan akan dibantu oleh pihak sekolah bersama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru.
 - D Pihak sekolah akan menjalankan pelbagai aktiviti pendidikan dengan adanya komitmen Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

[Lihat halaman sebelah]

24. **MARDI ialah satu daripada institusi yang bertanggungjawab membangunkan industri pengeluaran sayur-sayuran di negara ini.**

- A Institusi pengeluaran sayur-sayuran di negara ini merupakan tanggungjawab MARDI.
- B Industri pengeluaran sayur-sayuran sayur- sayuran di negara ini dimajukan oleh MARDI.
- C MARDI merupakan institusi yang bertanggungjawab mengeluarkan sayur-sayuran di negara ini.
satu daripada institusi yang bertanggungjawab memajukan industri pengeluaran sayur – sayuran ialah MARDI

Soalan 25 - 27

Pilih ayat-ayat yang betul.

25. I Sudah berhari-hari mereka membincangkan projek ternakan kambing.
II Mereka sebulat suara mahu mengadakan jamuan kelas di Restoran Minah Garang
III Oleh sebab ketiadaan wang, dia terpaksa menolak tawaran ke sekolah berasrama penuh.
IV Di antara soalan yang diajukan adalah tentang penglibatan murid dalam kegiatan kokurikulum.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
26. I Mereka sedang berbalas-balas e-mel.
II Baju milik Ahmad mahal – mahal belaka.
III Kedai Fiza menghadap Pejabat Tanah Daerah Muar.
IV Daun pokok mangga itu berguguran kerana cuaca panas amat.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

[Lihat halaman sebelah

27. I "Tolong angkatkan beg ini ke bilik tetamu," kata ibu.
II "Sila siram pokok bunga di halaman rumah," kata kakak.
III "Eh, rupa rupanya kamu pun ada di sini!" kata Amin kepada Salim.
IV "Apa pandangan awak tentang kes kecurian di kampung ini?" tanya Puteri Ameera.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 28 - 30

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai.

28. Peribahasa yang **tidak** menggambarkan maksud melakukan perbuatan yang sia-sia ialah_____.
- A bagai bersuluh di siang hari
B bagai pohon tidak berbuah
C bagai mencurah air ke daun keladi
D bagai mencurah garam ke laut
29. Peribahasa, malu berdayung perahu hanyut bermaksud _____.
- A segan bertanya sesuatu, akibatnya akan sesat jalan
B seseorang yang tidak mahu belajar akan cetek ilmu pengetahuan
C perbuatan yang sudah terlanjur tentulah sukar diubah lagi
D disebabkan malas berusaha, seseorang sukar memperoleh kejayaan
30. "Saya sanggup berkongsi teknik belajar dengan anda kerana saya percaya bahawa kecemerlangan ini ialah anugerah Tuhan dan bukannya untuk dibanggakan," ujar Joshua sebelum meninggalkan pentas.
- Situasi di atas sesuai dengan peribahasa _____
- A kecil tapak tangan, nyiru saya tadahkan
B ikut resmi padi, makin berisi makin tunduk
C berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
D buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali

[Lihat halaman sebelah